



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PELUASAN LIPUTAN SKIM KEILATAN KEPADA PEKERJA ASING
DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)

1. Apa yang dimaksudkan dengan keilatan?

Keilatan adalah suatu keuzuran yang berkekalan sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembuh serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga ($1/3$) daripada keupayaan pekerja yang normal.

2. Apa itu Skim Keilatan Pekerja Asing (SKPA)?

Skim Keilatan Pekerja Asing (SKPA) merupakan skim perlindungan 24 jam kepada pekerja asing yang menghidap keilatan atau kematian akibat daripada sebarang sebab.

3. Apakah faedah-faedah yang disediakan dalam Skim Keilatan?

- i. Pencen Ilat
- ii. Bantuan Ilat
- iii. Elaun Layanan Sentiasa
- iv. Kemudahan Pemulihan Jasmani
- v. Faedah Pengurusan Mayat
- vi. Pencen Penakat

4. Apa itu Pencen Ilat?

- Bayaran pencen bulanan yang dibayar kepada pekerja asing yang disahkan menghidap keilatan.
- Dibayar bermula dari tarikh permohonan (notis keilatan) diterima atau tarikh berhenti kerja jika pekerja asing berhenti kerja selepas permohonan diterima oleh PERKESO.
- Dibayar selama pekerja asing mengalami keilatan atau hingga meninggal dunia.
- Digantikan dengan Pencen Penakat yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya pekerja asing meninggal dunia semasa menerima Pencen Ilat.

5. Apakah syarat kelayakan permohonan Pencen Ilat?

- i. Belum mencapai umur 60 tahun (serta layak mencarum dibawah skim keilatan) pada masa permohonan diterima oleh PERKESO; atau
- ii. Sekiranya pekerja asing telah mencapai umur 60 tahun pada masa permohonan diterima, beliau perlu menunjukkan keterangan bahawa:
 - Menghidap suatu keadaan uzur yang berkekalan;
 - Tidak berupaya mengambil bahagian dalam kegiatan yang mendatangkan keuntungan;
 - Keuzuran terjadi sebelum umur 60 tahun dan tidak lagi bekerja yang menguntungkan sejak itu; dan
 - Keuzuran terjadi semasa berada di Malaysia.

- iii. Memenuhi syarat kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada tempoh kelayakan penuh atau dikurangkan.
- iv. Disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.

6. Apakah yang dimaksudkan dengan “tempoh kelayakan penuh” bagi Pencen Ilat?

Pekerja asing disifatkan memenuhi tempoh kelayakan penuh jika:

- i. Caruman bulanannya telah dibayar sekurang-kurangnya 24 bulan dalam tempoh 40 bulan berturut-turut sebelum bulan Notis Keilatan diterima oleh PERKESO; atau
- ii. Caruman bulanannya telah dibayar tidak kurang daripada 2/3 bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh caruman mula kena dibayar dengan bulan sebelum tarikh Notis Keilatan diterima oleh PERKESO (jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya 24 bulan).

7. Apakah yang dimaksudkan dengan “tempoh kelayakan dikurangkan” bagi Pencen Ilat?

Pekerja asing disifatkan memenuhi tempoh kelayakan yang dikurangkan jika:

- i. Caruman bulanan pekerja asing telah dibayar tidak kurang

daripada 1/3 daripada bilangan bulan genap dalam tempoh antara tarikh caruman mula kena dibayar dengan bulan sebelum tarikh Notis Keilatan diterima oleh PERKESO; atau

- ii. Jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya 24 bulan.

8. Apa itu Bantuan Ilat?

Bantuan Ilat dibayar kepada pekerja asing yang disahkan menghidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan tetapi tidak layak menerima Pencen Ilat kerana tidak memenuhi tempoh kelayakan caruman.

Amaun Bantuan Ilat ini adalah sama banyaknya dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja asing untuk Skim Keilatan termasuk faedahnya. Ianya adalah merupakan bayaran pukal sekali sahaja.

9. Berapakah caruman minimum kelayakan Bantuan Ilat?

Caruman minimum yang telah dibayar untuk Skim Keilatan adalah sebanyak 12 bulan.

10. Apa itu Elaun Layanan Sentiasa (ELS)?

Elaun tambahan sebanyak RM500 yang diberikan kepada pekerja asing yang disahkan menghidap keilatan dan tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan seseorang lain dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.

11. Apakah jenis-jenis Kemudahan Pemulihan Jasmani yang diberikan kepada pekerja asing?

- i. Kemudahan pemulihan jasmani kecuali rawatan dialisis.
- ii. Antara contoh kemudahan pemulihan jasmani yang diberikan kepada pekerja asing adalah seperti berikut:
 - Fisioterapi
 - Terapi pekerjaan
 - Pembedahan rekonstruktif
 - Bekalan prostetik, ortotik dan lain-lain alat
 - Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain

12. Adakah semua perbelanjaan Kemudahan Pemulihan Jasmani ditanggung oleh PERKESO?

Ya, mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PERKESO.

13. Berapakah amaun Faedah Pengurusan Mayat di bawah Skim Keilatan?

Senario	Kematian	Pengebumian	Amaun maksimum
1	Kematian pekerja asing berlaku di Malaysia.	Berlaku di luar Malaysia	RM7,500 termasuk kos penghantaran jenazah/abu ke negara asal.
2	Kematian pekerja asing berlaku di Malaysia.	Berlaku di Malaysia	RM3,000
3	Kematian pekerja asing yang sedang menerima Pencen Ilat berlaku di luar Malaysia.	Berlaku di luar Malaysia	RM3,000

Pembayaran faedah pengurusan mayat ini akan dibuat kepada waris yang layak atau pihak yang menanggung kos pengebumian tertakluk kepada syarat kelayakan caruman dan amaun maksimum yang telah ditetapkan.

14. Apa itu Pencen Penakat?

Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila pekerja asing meninggal dunia akibat sebarang sebab tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

15. Apakah syarat kelayakan permohonan Pencen Penakat?

- i. Pekerja asing meninggal dunia di Malaysia sebelum mencapai umur 60 tahun (serta layak mencarum di bawah skim keilangan) dan memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan (tempoh kelayakan penuh atau dikurangkan); atau
- ii. Pekerja asing meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat.

16. Adakah pekerja asing yang menghidap keilangan akibat daripada kemalangan atau apa-apa penyakit atau yang mati semasa berada di luar Malaysia layak menerima faedah di bawah Skim Keilangan?

Tidak layak.

17. Adakah pekerja asing yang belum mendapat keputusan pemeriksaan kesihatan bagi tujuan pembaharuan PLKS layak menerima faedah di bawah Skim Keilangan yang telah memenuhi syarat kelayakan caruman serta diputuskan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan mengalami keilangan?

Layak, kecuali bagi kes yang dinyatakan di dalam subperenggan 2(2) Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian Faedah Bagi Pekerja Asing) 2024 (P.U.(B)240) iaitu:

- i. menghidap keilangan akibat kemalangan atau apa-apa penyakit semasa berada di luar Malaysia;
- ii. tarikh keuzurannya berlaku dalam tempoh semasa pekerja

asing itu tidak mempunyai pas atau permit yang sah;

- iii. menyalahgunakan pas atau permit yang sah atau melanggar apa-apa syarat kemasukan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]; atau
- iv. pekerja asing yang keluar dari Malaysia tanpa suatu dokumen yang sah atau tanpa mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

18. Adakah pekerja asing yang gagal dalam pemeriksaan kesihatan layak menerima faedah di bawah Skim Keilatan?

Pekerja asing yang gagal dalam pemeriksaan kesihatan bagi mendapatkan pas atau permit kerja adalah layak menerima faedah di bawah Skim Keilatan sama seperti jawapan di soalan 17 di atas.

19. Jika tarikh keuzuran pekerja asing berlaku dalam tempoh tiada pas kerja yang sah, adakah pekerja asing layak menerima faedah di bawah Skim Keilatan?

Tidak layak.

20. Adakah kos rawatan perubatan ditanggung oleh PERKESO di bawah Skim Keilatan?

Tidak.

21. Adakah tuntutan Faedah di bawah Skim Keilatan PERKESO terikat dengan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]?

Ya. Pekerja asing tidak layak mendapat Faedah di bawah Skim Keilatan PERKESO sekiranya didapati melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

22. Bagaimana cara memohon Faedah Skim Keilatan?

Permohonan boleh dibuat dengan memuat turun borang di Portal PERKESO www.perkeso.gov.my atau mendapatkannya di pejabat PERKESO. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke mana-mana Pejabat PERKESO yang berdekatan.

Semua proses tuntutan termasuk pemeriksaan Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan hendaklah dijalankan di Malaysia.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau layari laman sesawang rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Dikemaskini pada: 28 Januari 2025